

## BHB, BANK ISLAM MENERUSKAN BANTUAN AMAL PRIHATIN COVID-19 DI SABAH

**KUALA LUMPUR, Ahad [15 November 2020]:** Prihatin melihat peningkatan kes penularan jangkitan COVID-19 di negeri Sabah, BIMB Holdings Berhad ("BHB") bersama anak syarikat milik penuhnya, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam atau Bank") bertindak dengan mempertingkatkan bantuan AMAL Prihatin COVID-19 bagi negeri tersebut. Untuk bantuan kali ini, BHB dan Bank Islam memperuntukkan RM100,000 dari dana tanggungjawab sosial korporatnya.

Antara sumbangan bantuan AMAL Prihatin COVID-19 kali ini meliputi;

- i. Peruntukan berjumlah RM20,000 disalurkan kepada petugas barisan hadapan di empat daerah iaitu Tawau, Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu berupa bekalan makanan dan minuman serta barangan keperluan lain.
- ii. Dana berjumlah RM80,000 diperuntukkan kepada 800 buah keluarga terjejas di lima daerah iaitu Tawau, Lahad Datu, Tuaran, Sandakan dan Semporna berupa barangan keperluan asas. Proses kenal pasti dan agihan bantuan tersebut dikendalikan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ("LKIM") Sabah, Persatuan Skuad Komuniti Prihatin Sabah, Pertubuhan Kebajikan Anak Leluhur Nusantara Negeri Sabah ("PERKALAS") dan Pertubuhan Kebajikan Anak Impian Malaysia ("Borneo Komrad").

Ketua Pegawai Eksekutif BHB dan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed, berkata, "Peka dan bimbang akan kesejahteraan masyarakat di Sabah ketika ini, kami mengambil keputusan untuk menggandakan lagi usaha untuk membantu komuniti yang terjejas di Sabah. Sebelum ini, ketika Sabah mendepani gelombang pertama kes penularan COVID-19, BHB dan Bank Islam telahpun mengagihkan sumbangan berjumlah sebanyak RM42,000. Daripada agihan sulung tersebut, sumbangan dana turut digunakan bagi menyediakan kelengkapan-kelengkapan berkaitan perubatan untuk manfaat petugas-petugas barisan hadapan di empat lokasi iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Lahad Datu, Hospital Tawau serta Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Queen Elizabeth II di Kota Kinabalu. Kami juga telah mengagihkan sumbangan kepada usahawan di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Sabah yang perniagaannya terjejas teruk akibat wabak COVID-19.

"Kesemua sumbangan yang diberikan ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk membantu masyarakat terjejas dan kurang bernasib baik yang menerima kesan signifikan pandemik ini. Selain itu, kami juga ingin menyeru warga Sabah yang menghadapi kekangan kewangan akibat kehilangan pekerjaan atau mengalami pemotongan gaji untuk

memohon bantuan pascamoratorium bersasar yang kami tawarkan sehingga hujung Jun 2021 dengan mengimbas Kod QR yang terdapat di laman sesawang kami bagi permohonan secara maya. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 untuk mendapatkan maklumat lanjut. Kami berharap inisiatif-inisiatif kami ini akan dapat meringankan beban yang ditanggung mereka," tambah Mohd Muazzam.

---

### **Mengenai BIMB Holdings Berhad**

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegangan Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--